

# PERBARISAN PEGAWAI MEMERINTAH MTU/MPOU



[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2759-perbarisan-pegawai-memerintah-mtu-mpou-2](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2759-perbarisan-pegawai-memerintah-mtu-mpou-2)

KUALA LUMPUR, 11 Dis 17 - Perbarisan Pegawai Memerintah Markas Tentera Udara dan Markas Pemerintahan Operasi Udara (MTU/MPOU) telah berlangsung di Tingkat 20, Wisma Pertahanan hari ini. Perbarisan telah diketuai oleh Mej Riswan bin Mohd Yunus TUDM dan dihadiri seluruh warga MTU/MPOU berpangkat Lt Kol dan ke bawah.

Dalam ucapan Pegawai Memerintah MTU/MPOU, YBhg Brig Jen Dato' Hanafiah bin Hj Abdul Manaf TUDM, beliau amat menegaskan berkenaan isu Daesh yang semakin menular di seluruh dunia dan juga penyalahgunaan dadah di kalangan anggota TUDM. "TUDM tidak akan berkompromi jika ada pegawai dan anggota yang ingkar arahan berkenaan isu tersebut", kata beliau.

Beliau turut menerangkan Skim Anuiti Veteran (SAVe) dan Bantuan Bakti Negara (BBN) yang diperkenalkan oleh Kementerian Pertahanan dalam menjaga kebajikan anggota tentera yang tidak berpencen. Selain itu, beliau turut menerangkan inisiatif terbaru kerajaan berkenaan dasar penyambung perkhidmatan daripada 21 ke 26 tahun.

Di akhir ucapannya, beliau berharap warga MTU/MPOU sentiasa komited dalam melakukan tugas untuk aktiviti TUDM yang akan datang seperti Penyampaian Sayap Kehormat kepada SPB YDP Agong dan Majlis Anugerah Kecemerlangan TUDM sebelum tahun 2017 melabuh tirai.

Sejurus selesai perbarisan, MTU - Cawangan Provos Marsyal melakukan ujian saringan kencing bagi memastikan setiap anggota MTU/MPOU bebas dari penyalahgunaan najis dadah.



